

Syarat-Syarat Kelulusan Lesen Premis & Iklan

1. Lesen ini sah sehingga 31 Disember 2010 dan hendaklah diperbaharui apabila tamat tempohnya.
2. Pelesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Selama 1984 dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga premis berlesennya (termasuk longkang) supaya berada dalam keadaan bersih.
4. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan-bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
5. Pelesen hendaklah mengadakan tong sampah yang cukup untuk menyimpan sampah.
6. Pelesen hendaklah memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.
7. Pelesen hendaklah memastikan bahawa Kehendak Kebombaan dipatuhi (kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang)
8. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
9. Pelesen hendaklah memastikan tidak menyebabkan gangguan lalulintas.
10. Sebarang papan tanda atau kain rentang yang hendak dipasang hendaklah dirujuk kepada Majlis terlebih dahulu.
11. Memastikan papan tanda yang dipasang tidak menyebabkan halangan dan kacauganggu dan tidak mengganggu pandangan lalulintas.
12. Bertanggungjawab mengubah/mengalih papan tanda tersebut sekiranya terdapat apa-apa pembangunan oleh JKR atau lain-lain agensi kerajaan tanpa apa-apa bayaran.
13. Apa-Apa kemalangan/kecederaan akibat dari papan tanda ini adalah tanggungjawab tuan.
14. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SELAMA**